

## **NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI**

### **1 Pengumpulan Data Peribadi**

Notis ini dikeluarkan selaras dengan Perintah Perlindungan Data Peribadi 2025. Notis ini bertujuan untuk memberikan anda kefahaman yang lebih jelas tentang sebab dan tujuan Data Peribadi dikumpulkan oleh DKSH BRN Sdn Bhd dan/atau anak syarikat dan/atau sekutunya dan/atau Kumpulan DKSH ("DKSH") serta komitmen DKSH untuk memastikan data anda diproses dan disimpan dengan selamat. Kami percaya bahawa pelanggan dan/atau rakan peniaga kami ingin mengetahui cara Data Peribadi mereka dikendalikan. Ia adalah sebahagian daripada nilai-nilai DKSH bahawa semua Data Peribadi dan privasi pelanggan dan/atau rakan peniaga kami dilindungi secara hormat dan cermat. Keselamatan Data Peribadi anda adalah penting kepada kami.

Sebagai pelanggan dan/atau rakan peniaga kami yang dihargai, kami ingin anda memahami bahawa DKSH perlu mengumpul dan memproses data mengenai diri anda dan / atau entiti perniagaan anda untuk mengendalikan sebarang urusan komersial anda dengan DKSH. Sila luangkan masa untuk membaca notis ini.

### **2 Sifat Data Peribadi**

Data Peribadi yang berkait dengan anda mungkin termasuk salinan dan butiran lain mengenai dokumen pengenalan, bukti alamat dan butiran hubungan lain, maklumat mengenai umur, alamat, nombor telefon, orang yang dihubungi, jawatan, jenis barang/perkhidmatan yang diminta, nombor pendaftaran perniagaan, modal yang dibenarkan, modal yang berbayar, nama, butiran dan alamat pengenalan, purata pembelian bulanan, purata hari bayaran, tempoh urusniaga, terma kredit dan had kredit.

Huraian Data Peribadi di atas hanya penerangan umum tentang pelbagai jenis Data Peribadi yang kami mungkin kumpul daripada pelbagai pelanggan dan/atau rakan peniaga. Sifat Data Peribadi adalah berbeza antara setiap pelanggan dan/atau rakan peniaga. Kami mungkin hanya perlu mengumpul dan memproses Data Peribadi yang lebih terhad, bergantung kepada jenis perniagaan dan keadaan semasa. Dalam situasi lain, mungkin terdapat keperluan untuk mengumpul Data Peribadi yang lebih banyak untuk urusniaga dan perniagaan atau seperti yang dikendaki oleh undang-undang.

### **3 Sumber Data Peribadi**

Secara umumnya, Data Peribadi dikumpul secara langsung daripada anda dan/atau perniagaan anda. Dengan menggunakan laman-laman web DKSH dan/atau menghantar pertanyaan, borang/dokumen permohonan atau pendaftaran lengkap yang telah dirujuk pada notis ini kepada kami, anda dianggap telah bersetuju dengan notis ini dan penggunaan Data Peribadi anda seperti yang dijelaskan dalam notis ini.

Selain daripada maklumat yang diberikan oleh anda, DKSH juga boleh mendapatkan Data Peribadi anda, entiti perniagaan anda daripada pelbagai pemeriksaan rujukan, pemeriksaan latar belakang, pelbagai pihak berkuasa kerajaan dan kuki ("cookies") di laman web DKSH seperti yang dibenarkan oleh undang-undang.

Jika anda memberikan sebarang Data Peribadi kepada kami yang berkaitan dengan pihak ketiga (contohnya; maklumat pasangan, anak, ibu bapa dan/atau majikan anda), anda dianggap telah mendapat kebenaran

mereka untuk kami mengumpul Data Peribadi seperti yang dijelaskan di bahagian Tujuan pengumpulan Data Peribadi dalam notis ini.

## 4 Menyediakan Data Peribadi

Adalah penting untuk anda memberikan Data Peribadi yang diperlukan oleh kami untuk memudahkan urusniaga dan urusan perniagaan antara anda dan DKSH. Adalah wajib untuk anda memberikan semua maklumat yang diminta dalam borang-borang yang berkaitan melainkan dinyatakan sebaliknya. Sekiranya anda gagal untuk memberikan maklumat wajib tersebut, kami mungkin tidak dapat memproses permintaan anda dan/atau memberi perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan kepada anda.

## 5 Tujuan pengumpulan Data Peribadi

Data Peribadi yang anda berikan akan dikumpulkan, digunakan dan diproses oleh DKSH, syarikat-syarikat dan/atau penyedia pihak ketiga yang berkaitan untuk menjalankan aktiviti yang bermatlamat termasuk:

- a. untuk pertimbangan permohonan akaun kredit dan kelayakan kredit anda
- b. untuk memudahkan pembayaran dan proses pembayaran balik termasuk syarikat pemprosesan data pihak ketiga yang dibenarkan
- c. untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan hubungan pengguna dan pelanggan - termasuk tetapi tidak terhad kepada komunikasi, penciptaan, pembangunan, operasi, penyampaian dan peningkatan produk, perkhidmatan, kandungan dan pengiklanan kami.
- d. tujuan-tujuan yang diperuntukkan secara khusus untuk apa-apa perkhidmatan atau produk tertentu yang ditawarkan oleh kami
- e. menjalankan aktiviti pemasaran berkaitan dengan perkhidmatan kami dan produk berkaitan
- f. untuk meningkatkan pencegahan kehilangan dan langkah keselamatan anti-penipuan (*fraud*) untuk DKSH
- g. penyimpanan rekod dalaman kami
- h. pengumpulan pembayaran tertunggak
- i. untuk memudahkan penyertaan anda di dalam sebarang pertandingan atau acara;
- j. memenuhi sebarang keperluan undang-undang atau kawal selia yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan dan produk kami dan membuat pendedahan di bawah keperluan mana-mana undang-undang, peraturan, arahan, perintah mahkamah, undang-undang kecil, garis panduan, pekeliling, kod yang terpakai kepada DKSH
- k. penyelidikan, penanda aras dan analisis statistik
- l. untuk menguruskan hubungan perniagaan kami dengan anda;
- m. untuk menubuhkan atau mengekalkan tuntutan undang-undang atau pembelaan atau untuk menyokong sebarang penyiasatan undang-undang atau jenayah; dan/atau
- n. sebab lain yang dibenarkan di bawah Perintah Perlindungan Data Peribadi 2025 atau undang-undang yang terpakai.

Dalam Notis Perlindungan Data Peribadi ini, senarai di atas dirujuk secara kolektif sebagai "Tujuan".

## 6 Kerahsiaan dan pendedahan Data Peribadi yang selamat

Kami menitikberat kerahsiaan Data Peribadi anda dengan sangat tinggi. Data Peribadi yang diberikan kepada DKSH secara langsung atau daripada pihak lain akan dirahsiakan. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu, adalah perlu bagi kami untuk menyediakan atau mendedahkan Data Peribadi anda untuk tujuan yang dinyatakan di atas kepada:

- a. Anak syarikat atau syarikat berkaitan/bersekutu dengan DKSH untuk melaksanakan Tujuan di atas

- b. Mana-mana pihak ketiga yang memerlukan DKSH berbuat demikian di bawah undang-undang atau sebagai tindakbalas kepada agensi kompeten atau agensi kerajaan dengan tujuan yang berkaitan dengan keselamatan negara, penguatkuasaan undang-undang, atau isu kepentingan awam yang lain.
- c. Subkontraktor atau penyedia perkhidmatan atau penyedia produk pihak ketiga yang menjalankan perkhidmatan yang berkaitan dengan Tujuan untuk DKSH
- d. Pembekal produk kepada DKSH (hanya untuk tujuan analisis pasaran dan penanda aras untuk memahami keperluan pelanggan kami dengan lebih baik).

Di samping itu, jika kami menganggap ianya perlu atau sesuai untuk tujuan menjalankan perniagaan, penyimpanan data atau pemprosesan atau pengurusan pelanggan atau rakan peniaga/sumber manusia, kami boleh memindahkan Data Peribadi anda kepada ahli Kumpulan atau pembekal perkhidmatan pihak ketiga lain di dalam atau di luar negara, dengan syarat kerahsiaan yang ketat dan tahap perlindungan keselamatan yang sama.

Kami juga mungkin mendedahkan maklumat mengenai anda jika kami menentukan bahawa pendedahan adalah semunasabahnya diperlukan untuk menguatkuasakan terma dan syarat kami atau melindungi operasi kami atau pengguna atau pelanggan atau rakan peniaga kami. Di samping itu, sekiranya berlaku penyusunan semula, penggabungan atau penjualan syarikat, kami boleh memindahkan mana-mana dan semua maklumat peribadi yang kami kumpulkan kepada pihak ketiga yang berkaitan.

## **7 Keselamatan dan perlindungan data**

Kami melaksanakan perlindungan dan prosedur pentadbiran dan keselamatan yang bersesuaian mengikut undang-undang dan peraturan yang terpakai untuk menghalang pemprosesan Data Peribadi milik anda yang tidak dibenarkan atau tidak sah dan kehilangan atau pemusnahan, atau kerosakan kepada Data Peribadi anda secara tidak sengaja.

## **8 Penyimpanan data**

DKSH berusaha untuk memastikan maklumat peribadi anda tepat dan terkini. Kami akan mengekalkan Data Peribadi anda selagi diperlukan untuk memenuhi tujuan yang digariskan dalam notis ini, melainkan jika tempoh pengekalan yang lebih lama atau lebih pendek diperlukan atau dibenarkan oleh undang-undang. Selepas itu, kami akan meneruskan untuk memadam sama ada secara kekal atau memusnahkan Data Peribadi yang berkaitan atau “*anonymise*” Data Peribadi yang berkaitan.

## **9 Kuki (“cookies”) dan pengesanan penggunaan**

Kami menggunakan kuki, iaitu fail teks kecil yang secara automatik diletakkan pada cakera keras komputer anda apabila anda mengakses laman web tertentu dan teknologi sepertinya, secara langsung atau melalui pihak ketiga, seperti perkhidmatan analisis laman web seperti Google Analytics. Kuki membenarkan kami menyimpan maklumat, seperti nama domain anda, pembekal khidmat internet anda, sistem pengendalian anda, tarikh dan masa akses, halaman yang anda lawati atau jenis carian yang anda lakukan.

Kami mungkin menggunakan maklumat ini untuk menyimpan pilihan dan tetapan anda, membantu menambahbaik kandungan laman web kami, membolehkan anda mendaftar ke laman web dan aplikasi, untuk menyusun statistik agregat dalam menilai penggunaan pelawat laman web atau aktiviti laman web kami dan untuk tujuan pasaran dalaman dan pasaran penyelidikan.

Anda berhak memilih untuk menerima kuki atau tidak dan untuk tidak memilih *Google Analytics*. Anda boleh menyekat kuki dengan menukar tetapan penyemak imbas anda supaya kuki dari laman web tidak boleh diletakkan pada komputer atau peranti mudah alih anda. Walau bagaimanapun, sila ambil perhatian bahawa jika anda memilih untuk menolak kuki, anda mungkin tidak dapat menggunakan fungsi penuh laman web tersebut. Untuk maklumat lanjut mengenai penggunaan kuki kami, sila lihat di bawah Polisi Kuki kami.

## 10 Polisi kuki (“cookies”)

### Apa itu kuki?

Kuki adalah fail kecil yang disimpan di komputer anda untuk menjelaki lawatan anda ke laman web dan keutamaan anda; semasa anda bergerak di antara muka surat, dan kadang-kadang menyimpan tetapan antara lawatan. Kuki membantu pembina laman web mengumpul statistik mengenai kekerapan pengguna melawat kawasan laman web tertentu dan membantu menyesuaikan laman web untuk menjadi lebih berguna dan mesra pengguna.

Contoh kuki yang kami gunakan ialah kuki sesi dan kuki berterusan.

### Cara untuk mengawal dan menyahaktifkan kuki

Kebanyakan pelayar ditetapkan agar mereka menerima kuki secara automatik. Walau bagaimanapun, anda boleh menyahaktifkan penyimpanan kuki atau meletakkan notifikasi sekiranya kuki telah ditetapkan pada pelayar anda.

### Pautan ke laman web lain

Laman web DKSH mungkin mengandungi pautan ke laman web lain. Sila ambil perhatian bahawa laman web ini mempunyai dasar privasi mereka sendiri dan kami tidak menerima apa-apa tanggungjawab atau liabiliti untuk amalan privasi atau kandungan laman web lain melainkan hanya untuk laman web yang dikawal oleh DKSH.

## 11 Hak anda untuk akses dan kemaskini

Anda mempunyai hak untuk meminta diberitahu tentang Data Peribadi yang kami terima daripada anda dan meminta untuk mengemaskini atau memadam Data Peribadi anda yang dikumpul oleh kami atau pihak ketiga. Tambahan pula, memandangkan pemprosesan Data Peribadi adalah berdasarkan kebenaran anda, anda mempunyai hak untuk menarik balik kebenaran tersebut pada bila-bila masa secara bertulis.

## 12 Menghadkan pemprosesan Data Peribadi anda

Anda boleh menuntut hak anda untuk menghadkan penggunaan Data Peribadi anda, termasuk Data Peribadi berkaitan orang lain yang mungkin boleh dikenalpasti daripada data tersebut. Jika anda ingin berbuat demikian, sila hantar permintaan bertulis kepada Pegawai Perlindungan Data kami.

## 13 Cara untuk hubungi kami

Sebarang akses kepada Data Peribadi atau kemaskini dan/atau pemadaman Data Peribadi atau maklumat mengenai dasar, prosedur dan jenis Data Peribadi adalah melalui permintaan bertulis kepada DKSH iaitu dpo.brn@dksh.com atau sila hubungi kami di:

DKSH BRN Sdn. Bhd.  
Lot Q49-50, Lambak Kanan Industrial Area (West),  
Berakas Link Road BC2315,

Brunei Darussalam

Kami akan bertindak balas dalam masa yang munasabah.

DKSH berhak untuk meminda atau mengemaskini notis ini pada bila-bila masa, oleh itu sila lawati laman web kami dari semasa ke semasa.

Notis Perlindungan Data Peribadi ini terakhir dikemaskini pada bulan Mei 2025.

**Penafian terjemahan:**

Notis Perlindungan Data Peribadi ini telah diterjemah daripada versi Bahasa Inggeris (kandungan asal). Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara terjemahan ini dan kandungan asal, versi Bahasa Inggeris akan dirujuk sebagai sumber utama. DKSH tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesalahan maklumat atau kekeliruan yang mungkin timbul daripada terjemahan ini.